

16 APR 1998

Uganda-Sambutan (Bergambar)

SAMBUTAN NEGARA UNTUK PRESIDEN UGANDA

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni, yang tiba di sini semalam bersama rombongan 24 anggota untuk lawatan negara selama empat hari, diberi sambutan negara di Medan Parlimen hari ini.

Ketibaan Museveni dan isterinya, Janet di Medan Parlimen disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah.

Yang turut hadir, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dengan diiringi tembakan meriam 21 das dan permainan pancaragam Pusat Amor Diraja dari Port Dickson, Museveni memeriksa perbarisan penghormatan yang terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) dari Sungai Besi diketuai Mejar Abdul Basit Abdul Rahman.

Museveni dan isteri kemudiannya diperkenalkan kepada menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri dan anggota diplomat asing.

Anggota rombongan Museveni termasuk Timbalan Perdana Menteri Pertama Uganda, yang juga Menteri Luar, Eriya Kategaya serta Menteri Perancangan dan Pembangunan Ekonomi, Richard Kaijuka.

Lawatan Museveni, yang bertujuan mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara, adalah atas undangan Tuanku Ja'afar.

Sepanjang lawatan itu, Museveni, antara lain akan mengadakan perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir serta mendengar taklimat pembangunan negara di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan taklimat mengenai program perindustrian negara di ibu pejabat Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Beliau dan rombongan juga akan melawat kilang Perusahaan Otomobil Nasional (Proton), Zon Perdagangan Bebas Sungai Way, Kuala Lumpur City Centre, Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Minyak Sawit Malaysia (PORIM),

Museveni dijadualkan pulang Ahad ini. -- BERNAMA

AH NMO